JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008 1223/1

PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
Sept.
2 jam Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. **Bahagian A** *mengandungi* **40** *soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman* 12.

3. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektif. Jawab* **tiga** *soalan:* **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

4. *Tulis* **nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan di halaman* 12.

5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

MOZ@C

Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

Soalan 1 *hingga* **Soalan 20.**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** *dan* **D**. **Hitamkan** *jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan*

- Gembira dalam melakukan ibadah
- Cintai Allah dan Rasul lebih dari segala-galanya

1 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

A Kelazatan iman

B Kemanisan iman

C Peningkatan iman

D Iman sentiasa bertambah

2 Apakah kesan amalan syirik kepada masyarakat ?

A Membazir harta, tenaga dan masa

B Merosakkan aqidah dan membatalkan iman

C Memecahbelahkan ummah dan menimbulkan fitnah

D Hilang perhitungan kepada Allah kerana mendapat bantuan syaitan

3 **Y** dalam rajah di atas ialah

A Iman manusia sentiasa bertambah

B Beriktikad bahawa alam bersifat qadim

C Pelaku dosa besar dianggap mukmin yang fasik

D Mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka

4 Hukuman ke atas pencuri boleh disabitkan dengan syarat

- **A** mencuri harta awam
- **B** mencuri kerana lapar dan miskin
- **C** mencuri barang yang ditinggalkan dalam masjid
- **D** mencuri harta yang disimpan di tempat yang selamat

• Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
• Mendakwa Nabi Isa a.s. meninggal dunia dan dimakamkan di Saringar, India

5 Pernyataan di atas merujuk kepada ajaran sesat

- **A** Bahai
- **B** Taslim
- **C** Qadiani
- **D** Anti Hadis

• Berasaskan hukum syara'
• Pelaburan adalah halal.
• Berasaskan konsep ta'awun (tolong menolong)

6 Ciri-ciri mualamat Islam di atas merujuk kepada

- **A** Saham
- **B** Gadaian
- **C** Syarikat
- **D** Insuran

7 Antara berikut yang manakah perkara-perkara larangan semasa ihram haji ?

- I Memotong kuku
- II Menutup kepala bagi lelaki
- III Berburu binatang buruan laut
- IV Memakai pakaian berjahit bagi perempuan

- **A** I dan II
- **B** I dan III
- **C** II dan IV
- **D** III dan IV

Iddah bercerai hidup	
Status	Iddah
• hamil	• hingga melahirkan anak
• tidak hamil (putus haid)	• tiga bulan
• belum disetubuhi	• ____T____

8 **T** dalam jadual di atas ialah ________________

A tiada iddah

B empat bulan

C tiga kali suci

D empat bulan sepuluh hari

9 Antara sebab gugurnya hak hadanah bagi seseorang perempuan ialah

I Murtad

II Sering sakit

III Cuai ketika penjagaan

IV Berpindah tempat kediaman kerana tugas

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

Puan Zakiah telah keluar rumah tanpa izin suami dan tanpa sebab yang munasabah

10 Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan

A Dayus

B Fasakh

C Nusyuz

D Khuluk

11 Bilakah masa yang afdal untuk melakukan akikah selepas kelahiran bayi ?

A Hari ketujuh

B Hari pertama

C Hari kesepuluh

D Hari keempat puluh

12 Berikut adalah contoh maksiat dalam walimatulurus **kecuali**

A pergaulan bebas lelaki dan perempuan

B pendedahan aurat lelaki dan perempuan

C hiburan dan muzik yang keterlaluan

D makanan yang lazat

13 Pernyataan di atas merujuk kepada

A jamratul ula

B jamratul wusta

C jamratul aqabah

D ketiga-tiga jamrah

- Memecat pegawai-pegawai kerajaan yang berketurunan Umaiyah
- Meneruskan Majlis Tahkim

14 Keterangan di atas menjelaskan tentang polisi pemerintahan khalifah

A Saidina Ali bin Abi Talib r.a.

B Saidina Uthman bin Affan r.a.

C Saidina Umar bin al-Khattab r.a

D Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

15 Fungsi utama Majlis Syura pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin ialah

A menentukan perlantikan khalifah

B menjaga keseluruhan harta negara

C menentukan pembayaran gaji kakitangan kerajaan

D menjaga keselamatan dan keamanan dalam negara

16 Karya Imam Malik yang masyhur ialah

A Al-Musnad

B Al-Muwatta'

C Ihya' Ulumuddin

D Al-Qanun Fi at-Tib

17 Kemerosotan semasa pemerintahan Al-Wathiq menjadi faktor utama kejatuhan kerajaan Abbasiah di tangan tentera

A Saljuk

B Monggol

C Umaiyah

D Uthmaniah

18 Cara terbaik yang boleh dilakukan oleh rakyat untuk menegur pemimpin ialah

A Menyalurkan melalui wakil rakyat

B Melaporkan kepada akhbar

C Menentang secara terbuka

D Mengadakan demonstrasi

19 Berikut adalah hikmah mengamalkan adab di tempat rekreasi

A menghindar perkara kebaikan

B mendapat kemurkaan Allah S.W.T.

C dapat menjalinkan hubungan percintaan

D melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar

20 Kesan meninggalkan amar makruf nahi mungkar membawa kepada

A Kehidupan akan aman

B Kemungkaran dapat dibendung

C Umat akan cemerlang dan gemilang

D Hukum dan syariat Islam tidak dapat ditegakkan

12 Berikut adalah contoh maksiat dalam walimatulurus **kecuali**

A pergaulan bebas lelaki dan perempuan

B pendedahan aurat lelaki dan perempuan

C hiburan dan muzik yang keterlaluan

D makanan yang lazat

13 Pernyataan di atas merujuk kepada

A jamratul ula

B jamratul wusta

C jamratul aqabah

D ketiga-tiga jamrah

- Memecat pegawai-pegawai kerajaan yang berketurunan Umaiyah
- Meneruskan Majlis Tahkim

14 Keterangan di atas menjelaskan tentang polisi pemerintahan khalifah

A Saidina Ali bin Abi Talib r.a.

B Saidina Uthman bin Affan r.a.

C Saidina Umar bin al-Khattab r.a

D Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

15 Fungsi utama Majlis Syura pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin ialah

A menentukan perlantikan khalifah

B menjaga keseluruhan harta negara

C menentukan pembayaran gaji kakitangan kerajaan

D menjaga keselamatan dan keamanan dalam negara

16 Karya Imam Malik yang masyhur ialah

A Al-Musnad

B Al-Muwatta'

C Ihya' Ulumuddin

D Al-Qanun Fi at-Tib

17 Kemerosotan semasa pemerintahan Al-Wathiq menjadi faktor utama kejatuhan kerajaan Abbasiah di tangan tentera

A Saljuk

B Monggol

C Umaiyah

D Uthmaniah

18 Cara terbaik yang boleh dilakukan oleh rakyat untuk menegur pemimpin ialah

A Menyalurkan melalui wakil rakyat

B Melaporkan kepada akhbar

C Menentang secara terbuka

D Mengadakan demonstrasi

19 Berikut adalah hikmah mengamalkan adab di tempat rekreasi

A menghindar perkara kebaikan

B mendapat kemurkaan Allah S.W.T.

C dapat menjalinkan hubungan percintaan

D melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar

20 Kesan meninggalkan amar makruf nahi mungkar membawa kepada

A Kehidupan akan aman

B Kemungkaran dapat dibendung

C Umat akan cemerlang dan gemilang

D Hukum dan syariat Islam tidak dapat ditegakkan

Soalan 21 *hingga* **Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21 ________________ ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

22 **R** dalam rajah di atas ialah ____________________ .

23 Jemaah haji wajib berada di ____________________ pada malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Syarat mendapat hak hadanah
• ____Y____
• Dewasa
• Sempurna akal
• Berakhlak mulia

25 Syarat mendapat hak hadanah bertanda **Y** dalam rajah di atas ialah ____________ .

26 Mengunjungi kubur yang dianggap keramat untuk meminta sesuatu hajat adalah perbuatan ______ ________________ .

27 Penentangan Khawarij terhadap Muawiyah tercetus dalam peristiwa ____________.

28 Pengasas mazhab ______________________ ialah Abu Hassan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.

29 Mengisytiharkan diri keluar Islam boleh membawa seseorang menjadi murtad melalui _______ _______________ .

30 ________________ ialah penipuan dalam percakapan iaitu tidak bercakap benar atau memalsukan fakta

Soalan 31 *berdasarkan jadual di bawah.*
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Perbezaan dalam bidang ketenteraan di antara kerajaan Umaiyah dan Khulafa' ar-Rasyidin.

Kerajaan Umaiyah	Khulafa' ar-Rasyidin
Kerahan tenaga	**31** __________________
Mengutamakan bangsa Arab	Tiada keutamaan mana-mana bangsa

32 Gelaran Bapa Ilmu Usul Fikh diberikan kepada Imam______________ .

- Mengumpul dan membukukan al-Quran
- Membesarkan angkatan tentera darat dan laut

33 Pernyataan berikut merujuk kepada sumbangan khalifah ________________ .

34 Khalifah al-Makmum telah membina ____________________ sebagai pusat penyelidikan dalam bidang astronomi.

35 Kedudukan kota __________________ yang strategik sebagai pusat pemerintahan berperanan memajukan kerajaan Abbassiah.

36 ______________________ merupakan perpustakaan yang terunggul dibina oleh khalifah Harun ar-Rasyid.

37 Ucapan takziah kepada keluarga si mati sunat dilakukan dalam tempoh __________ .

38. Penyalahgunaan paip bomba adalah satu contoh perbuatan tidak beradab terhadap ____________________ .

- Solat secara jamak dan qasar
- Di larang melakukan kerosakan kepada alam

39 Pernyataan di atas merujuk kepada adab ________________ bermusafir.

40 Pernyataan di atas merujuk kepada jenis-jenis ________________ .

Bahagian B

[60 *markah*]

Jawab **tiga** *soalan:* **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya.*

1 *(a)* Sebagai seorang Muslim kita mesti mengawal diri daripada bersifat nifak.

(i) Nyatakan maksud nifak. [*2 markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sifat orang munafik. [*4 markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk mengelakkan amalan nifak. [*4 markah*]

(b) Syiah ialah golongan yang mendukung cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali bin Abi Talib sebagai khalifah.

(i) Nyatakan pembahagian Syiah selain Syiah Imamiyah. [*2 markah*]

(ii) Jelaskan iktikad Syiah Imamiyah. [*2 markah*]

(c) Ajaran Bahai mula tersebar di Malaysia pada tahun 1953.

(i) Siapakah pengasas ajaran tersebut ? [*2 markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran tersebut. [*4 markah*]

2 *(a)* (i) Nyatakan maksud akikah. [*2 markah*]

(ii) Senaraikan **dua** syarat binatang yang sah untuk dijadikan akikah. [*2 markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan akikah dengan sembelihan. [*4 markah*]

(b) (i) Nyatakan **dua** syarat saksi dalam perkahwinan. [*2 markah*]

(ii) Terangkan kepentingan saksi semasa akad nikah. [*2 markah*]

(c) Jelaskan **dua** tindakan suami dalam menangani isteri yang nusyuz. [*4 markah*]

(d) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :

(i) Zakri tidak melontar di jamratul aqabah ketika menunaikan ibadah haji kerana kesesakan orang ramai. [*2 markah*]

(ii) Saifullah merujuk isterinya setelah dua bulan bercerai secara khuluk. [*2 markah*]

3 *(a)* (i) Senaraikan **dua** institusi pendidikan pada zaman kerajaan Abbasiah. [2 *markah*]

(ii) Huraikan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiah. [4 *markah*]

(b) (i) Jelaskan riwayat hidup Sheikh Muhammad Abduh. [4 *markah*]

(ii) Huraikan sumbangan beliau terhadap perkembangan umat Islam. [2 *markah*]

(c) (i) Nyatakan **dua** adab bersedekah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan perbezaan di antara sedekah dengan hadiah. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** kelebihan bersedekah dalam Islam. [4 *markah*]

4 *(a)* (i) Senaraikan **dua** jenis tentera yang terdapat dalam angkatan tentera kerajaan Umaiyah. [2 *markah*]

(ii) Huraikan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah. [4 *markah*]

(b) (i) Senaraikan **empat** sifat peribadi Imam al-Bukhari yang boleh dicontohi. [4 *markah*]

(ii) Terangkan perkara yang dilakukan oleh beliau sebelum memasukkan hadis ke dalam kitab Sahih al-Bukhari. [2 *markah*]

(c) Menziarahi jenazah satu amalan yang dituntut dalam Islam.

(i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** amalan yang harus dijauhi semasa menziarahi jenazah. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kelebihan menziarahi jenazah. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008 1223/2(PP)

PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 2
Sept.

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Peraturan Pemarkahan

Nombor Soalan		Jawapan	Catatan/ markah
1	(a)	(i) Kaum terdahulu yang dimaksudkan dalam ayat: - Kaum Ad - Kaum Thamud - Kaum Nabi Lut - Kaum Nabi Nuh	[2x 1m= 2 *markah*]
		(ii) Bentuk-bentuk balasan Allah SWT ke atas kaum tersebut: - Banjir besar - Gempa bumi - Halilintar - Diterbalikkan bumi / kampung - Puting beliung	[2x 1m= 2 *markah*]
		(iii) Dua pengajaran yang dapat diambil daripada ayat di atas: - Allah binasakan kaum yang terdahulu disebabkan mereka kufur / mendustakan Allah. - Pangkat kedudukan dan kekayaan tidak dapat menghalang azab diturunkan. - Kebinasaan dan kemusnahan berlaku disebabkan oleh perbuatan mereka sendiri. - Kita hendaklah mengurus dan mentadbir alam berpandukan syariat Allah. - Kita hendaklah mempelajari serta mengambil iktibar di atas perbuatan kaum-kaum terdahulu. *(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)*	[2x 2m= 4 *markah*]
	(b)	(i) Ciri-ciri makanan yang halal: - Bahan makanan tersebut halal dimakan. - Boleh dimakan menurut hukum syarak dan tidak dijelaskan pengharamannya di dalam al-Quran. - Tidak memudaratkan anggota badan dan akal fikiran - Disembelih dengan nama Allah. - Terdapat tanda halal pada bungkusan / halal JAKIM.	[2x 1m= 2 *markah*]
		(ii) Umat Islam dikehendaki memakan makanan yang halal lagi baik kerana: - Untuk menjaga kesihatan badan agar sentiasa sihat dan bertenaga. - Untuk memelihara kewarasan akal dan kekuatan minda. - Supaya doa dimakbulkan Allah / ibadat diterima. - Untuk mendapat pahala. - Agar terhindar dari seksaan api neraka. - Menjaga maruah / nama baik.	[1x 2m= 2 *markah*]

[Lihat sebelah

Nombor Soalan		Jawapan	Catatan/ markah
		(iii) Syarat-syarat berpakaian menurut Islam: - Menutup aurat - Tidak jarang dan ketat / longgar - Tidak berlawanan jantina - Tidak melambangkan agama lain - Lelaki haram memakai perhiasan emas / sutera	[2x 2m= 4 *markah*]
	(c)	B, D, A, C	[4x 1m= 4 *markah*]
2	(a)	(i) Maksud bersyukur: - Berterima kasih atau menghargai nikmat yang diterima dari Allah.	[1x 2m= 2 *markah*]
		(ii) Cara bersyukur dengan perbuatan ketika mendapat nikmat Allah: - Beribadat kepada Allah. - Membuat amal kebajikan / bersedekah. - Membantu golongan yang memerlukan. - Tidak melakukan perbuatan maksiat.	[2x 1m= 2 *markah*]
		(iii) Jenis syirik: - Syirik Jali - Syirik Khafi	[2x 1m= 2 *markah*]
		(iv) Dua akibat terhadap individu yang mengamalkan syirik: - Iman akan terbatal / rosak. - Ibadat tidak diterima / sia-sia. - Mendapat azab di akhirat / diseksa / dimurkai Allah. - Dihina / dipulaukan. - Merugikan masa / wang / tenaga.	[2x 2m= 4 *markah*]
	(b)	(i) Kelebihan yang diperolehi sekiranya menyiapkan tugasan dengan segera: - Dikasihi dan dimuliakan Allah. - Disayangi / disukai oleh guru / rakan. - Kerja dapat disiapkan mengikut jadual. - Jiwa menjadi tenang. - Hasil kerja lebih berkualiti. - Prestasi akan meningkat.	[1x 2m= 2 *markah*]

[Lihat sebelah

Nombor Soalan		Jawapan	Catatan/ markah
		(ii) Dua pengajaran yang boleh diambil: - Rasulullah mengajar kita supaya menganggap dunia ini sebagai tempat persinggahan. - Tempoh kehidupan manusia di dunia adalah terlalu singkat berbanding kehidupan di akhirat yang kekal abadi. - Manusia hendaklah menggunakan tempoh kehidupan di dunia sebaik mungkin. - Islam melarang kita menangguhkan urusan kehidupan. - Seorang muslim hendaklah mengurus masa dengan bijak. *(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)*	[2x 2m= 4 *markah*]
	(c)	4, 1, 3, 2 @ 4, 1, 3, 2 @ 1 = 2, 2 = 4, 3 = 3, 4 = 1	[4x 1m= 4 *markah*]
3	(a)	(i) Maksud perkataan lagha: - Perbuatan atau percakapan yang tidak mendatangkan faedah / sesuatu yang boleh melalaikan seseorang / merosakkan akhlak / membuang masa.	[1x 2m= 2 *markah*]
		(ii) Ciri-ciri mukmin yang berjaya: - Khusyuk dalam solat. - Meninggalkan perbuatan yang sia-sia. - Mengeluarkan zakat. - Menjaga kehormatan diri / maruah. - Menjaga amanah dan menunaikan janji.	[2x 1m= 2 *markah*]
		(iii) Dua tujuan menunaikan amanah dan janji: - Supaya terselamat dari azab Allah / neraka. - Supaya mendapat kepercayaan orang ramai. - Agar tidak meyakiti hati orang lain. - Dapat menghasilkan kerja yang baik dan berkualiti. - Disukai Allah dan orang ramai.	[2x 2m= 4 *markah*]
	(b)	(i) Dua larangan tersebut: - Hasad dengki - Tipu menipu - Benci membenci - Berpaling muka / sombong - Bersifat zalim - Berjual beli atas jualan orang lain - Menghina - Berbohong	[2x 1m= 2 *markah*]

[Lihat sebelah

Nombor Soalan		Jawapan	Catatan/ markah
		(ii) Umat Islam dilarang melakukannya kerana : - Menghilangkan segala amal kebajikan yang dilakukan. - Boleh menimbulkan pergaduhan di kalangan umat Islam. - Mewujudkan suasana benci membenci antara satu sama lain. - Menyebabkan jiwa dan perasaan tidak tenteram. - Kemajuan ekonomi akan terjejas.	[1x 2m= 2 *markah*]
		(iii) Dua langkah yang boleh membawa kepada perpaduan umat: - Mengamalkan sifat kasih sayang. - Tolong menolong / kerja sama antara satu sama lain. - Mengelakkan sebarang permusuhan / pertelingkahan / memecah belah perpaduan. - Memelihara hak orang lain / bertolak ansur / toleransi. - Menghindari sifat mementingkan diri. - Mengamalkan budaya ziarah menziarahi / kunjung mengunjungi. - Sifat patriotik dan sayangkan negara.	[2x 2m= 4 *markah*]
	(c)	4, 3, 1, 2 @ 4 3 1 2 @ 1 = 3 2 = 4 3 = 2 4 = 1	[4x 1m= 4 *markah*]
4	(a)	(i) Maksud memelihara kehormatan diri: - Menjaga maruah diri daripada terjerumus ke lembah maksiat dan dosa yang berpanjangan.	[1x 2m= 2 *markah*]
		(ii) Cara menjaga kehormatan diri: - Berpakaian menutup aurat. - Menjaga batas-batas pergaulan. - Menjauhi tempat / perbuatan maksiat. - Tidak melakukan perkara-perkara yang melanggar hukum syarak / bertentangan dengan Islam.	[1x 2m= 2*markah*]
		(iii) Dua kesan buruk mendedahkan aurat: - Penyebab gejala sosial. - Punca berlaku gejala maksiat / zina / sumbang mahram. - Menjatuhkan maruah umat Islam / fitnah. - Punca berlaku jenayah / rogol / bunuh / culik. - Dipandang hina oleh masyarakat.	[2x 2m= 4 *markah*]

Nombor Soalan		Jawapan	Catatan/ markah
		(iv) Dua punca berlakunya kes pencabulan: - Lemah iman / ikut nafsu. - Jahil / kurang pengetahuan agama / didikan agama. - Pergaulan bebas. - Pengaruh media massa / budaya asing / CD lucah. - Tiada tindakan / penguatkuasaan undang-undang. - Berpakaian yang mendedahkan aurat. - Mengambil makanan atau minuman yang haram / memabukkan.	[2x 2m= 4 *markah*]
	(b)	Hukum tajwid: (i) Idgham Maal Ghunnah = طَآئِفَةٌ مِّنَ / وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا (ii) Mad Wajib Muttasil = طَآئِفَةٌ (iii) Qalqalah Sughra = وَلْيَشْهَدْ / فَٱجْلِدُوا۟ (iv) Alim Lam Qamariah = ٱلْمُؤْمِنِينَ / ٱلْأَخِرِ / وَٱلْيَوْمِ	[4x 1m= 4 *markah*]
	(c)	Menjawikan: (i) ممبوقتيكن كبنرن (ii) معجزة اضوغ (iii) فراتورن شرع (iv) ملاكوكن معصية	[4x 1m= 4 *markah*] Catatan: - huruf cerai tidak diterima - kesalahan melebihi 3 huruf tiada markah
5	(a)	(i) Dua jenis sujud: 1. Sujud tilawah / sajadah 2. Sujud sahwi 3. Sujud syukur	[2x 1m= 2*markah*]

<table>
<tr><th colspan="2">Nombor Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Catatan/ markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii) Perbezaan antara orang beriman dengan orang fasiq:
<table><tr><th>Orang beriman</th><th>Orang fasiq</th></tr><tr><td>- Mendapat rahmat
- Masuk syurga.
- Ganjaran pahala
- Hidup selamat/bahagia</td><td>- Mendapat azab
- Masuk neraka
- Balasan dosa
- Hidup tidak selamat / tidak tenteram</td></tr></table></td><td>[4x 1m= 4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii) Kelebihan beriman kepada Allah:
- Memperolehi kebahagiaan hidup.
- Mendapatkan kedudukan yang tinggi di sisi Allah.
- Sentiasa terhindar daripada perbuatan mungkar / maksiat.
- Menjadi seorang yang sabar.
- Hidup dalam rahmat dan keredaan Allah.</td><td>[1x 2m= 2markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv) Dua pengajaran yang boleh diambil dari ayat:
- Umat Islam digalakkan memperbanyakkan solat / amalan sunat.
- Allah menjanjikan ganjaran pahala yang besar kepada orang yang melazimi qiamullail.
- Islam menggalakkan kita mencari harta yang halal / infak harta kejalan Allah.
- Orang mukmin hendaklah bersifat tawaduk kerana meyedari kekurangan diri.

(mana-mana jawapan munasabah diterima)</td><td>[2x 2m= 4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Hukum tajwid:
(i) Mad Jaiz Munfasil
(ii) Izhar Syafawi
(iii) Ikhfak Hakiki
(iv) Mad 'Aridh Lissukun</td><td>[4x 1m= 4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>Merumikan:
(i) Berakhlak mulia merupakan identiti umat Islam.
(ii) Bertawakal kepada Allah adalah asas kejayaan dalam berdakwah.
(iii) Kita wajib mengekalkan keamanan yang sedang dinikmati sekarang.
(iv) Manusia hendaklah menggunakan tempoh kehidupan di dunia sebaik mungkin.</td><td>[4x 1m= 4 markah]

Catatan:
- kesalahan melebihi 3 perkataan tiada markah.</td></tr>
</table>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT